

14 JAN 2002

DTC-Siap

DTC SIAP ENAM BULAN LAGI, KATA NAIB CANSOLOR

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Dewan Tuanku Canselor (DTC) Universiti Malaya, yang terbakar pada 29 Jun tahun lepas, dapat digunakan seperti biasa selepas kerja-kerja baik pulih dalaman dewan berkenaan siap dalam masa enam bulan lagi.

Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain hari ini berkata pada masa ini, kerja-kerja pembaikpulihan sudah dimulakan dengan memasang bahagian bumbung sebelum menjalankan pembaikpulihan di bahagian lain.

"Kita menggunakan peruntukan yang ada dan juga wang derma pelbagai pihak untuk tujuan itu. Saya rasa peruntukan dan derma yang diterima kini cukup untuk melaksanakan pembaikpulihan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Kursus Politik dan Ekonomi Antarabangsa ke-2 bagi Diplomat dan Pentadbir Myanmar di Institut Asia Eropah (AEI) UM di sini.

Anuar, yang tidak menyatakan kos bagi pembaikpulihan itu, berkata DTC juga dijangka dapat digunakan untuk upacara konvokesyen UM tahun ini.

Menurutnya pembaikpulihan lain melibatkan penggantian tingkap, kerusi, pentas dan perhiasan dalaman lain manakala struktur DTC masih teguh dan boleh digunakan berdasarkan jaminan jururunding.

Dalam kejadian itu, hampir 90 peratus DTC yang berusia 37 tahun itu rosak dan memusnahkan 1,800 pasang jubah dan 2,000 topi yang akan digunakan untuk istiadat konvokesyen UM pada tahun itu, yang menyebabkan kerugian kira-kira RM12.4 juta.

Ia berlaku sehari sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan satu simposium di situ.

Kebakaran itu juga menyebabkan istiadat konvokesyen UM 2001 ditangguhkan dari Ogos kepada Oktober dan terpaksa diadakan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil.

DTC dirasmikan oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang juga Canselor UM pada 1966.

Kebakaran itu menimbulkan pelbagai kontroversi apabila ada sesetengah pihak mengsyaki ia perbuatan khianat dan kini menjadi kes polis.

-- BERNAMA

SHS MFJ NAK